



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 05 April 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Jangan pinggir golongan penternak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	18

Kos makanan ternakan tinggi, kerajaan wajar beri bantuan bawah Payung Rahmah

'Jangan pinggir golongan penternak'

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN – Kerajaan diminta memperkenalkan konsep Payung Rahmah kepada golongan penternak agar mereka tidak terpinggir atau ketinggalan dalam menerima bantuan seperti sektor lain.

Seorang penternak, Rosli Goh Abdullah, 65, berkata, berikutan kenaikan kos makanan seperti dedak, tahi minyak kelapa sawit, jerami dan kacang soya, penternak seperti ini tidak mampu untuk menanggung kos makanan haiwan ternakan yang tinggi.

Katanya, dia memulakan usaha ternakan lembu sebelum penularan pandemik Covid-19 dengan hanya memelihara lapan ekor lembu.

Jelasnya, setelah empat tahun beroperasi, ladangnya yang dikenali sebagai Benut Agro Farm (BAF) mempunyai 130 ekor lembu terdiri pelbagai jenis baka.

"Untuk 130 ekor lembu, kos makanan serta bahan-bahan penjagaan daripada penyakit memerlukan antara RM8,000



ROSLI memberi makanan kepada ternakan lembunya di Benut Agro Farm di Kampung Parit Selangor, Benut, Pontian semalam.

hingga RM10,000 sebulan, belum termasuk gaji kepada dua pekerja tetap.

"Jika kerajaan memperkenalkan

konsep Payung Rahmah dalam pelbagai aktiviti ekonomi, penternak lembu, kambing dan sebagainya juga perlu diberikan

perhatian yang sama," katanya

ketika ditemui di sini semalam. Menurut Rosli, tentunya pihak-pihak berkenaan menye-

dari perkara ini yang akhirnya membebaskan pengguna bagi mendapatkan daging lembu segar, namun terpaksa membelinya dengan harga yang tinggi.

"Jadi dalam isu ini, penternak tidak boleh dipersalahkan 100 peratus kerana mereka berdepan dengan kos pemeliharaan lembu yang tinggi ketika ini dan tidak mampu untuk terus menanggung kerugian," katanya.

Katanya, dengan dibantu oleh tiga orang pekerja, BAF turut membekalkan anak-anak lembu kepada penternak lain yang berminat untuk membelinya bagi menambah pendapatan.

"Kebanyakan lembu yang diternak adalah baka lembu tempatan selain baka bali, brahman selain beberapa lembu 'sado' seperti charolais, limosin dan blonde bagi tujuan baka," katanya.

Tambah Rosli, pihaknya tidak menjual daging-daging lembu secara harian kepada peruncit tetapi sebaliknya memberikan tumpuan bagi tujuan ibadah korban setiap tahun.

Sabeel jadi inspirasi usahawan ayam sedekah makanan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	32

Sabeel jadi inspirasi usahawan ayam sedekah makanan

ALOR SETAR: Sempena Ramadan kali ini, 200 pek makanan diagihkan kepada orang ramai di seluruh negeri ini dan Perlis sebagai mengimarahkan amalan bersedekah oleh sebuah syarikat ayam.

Menurut usahawan, Mazlina Kamarudin, 55, yang juga Pengerah Urusan Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi), ia mengambil idea daripada konsep sabeel atau sedekah makanan di jalanan di Mekah, program itu adalah kesinambungan daripada Rumah Makan Percuma (RMP) di Simpang Empat, di sini.

"Sepanjang Ramadan ini makanan dibungkus untuk diagihkan kepada orang ramai di RMP. Daripada situ timbul idea, kenapa kita tidak bawa RMP kepada orang ramai kerana ramai yang nak datang ke RMP tetapi jauh.

"Setiap hari 200 hingga 250 pek makanan diagihkan sejak 1 Ramadan lalu di Perlis dan minggu ini di Kedah. Alhamdulillah sambutan menggalakan kerana kita pilih lokasi tumpuan orang ramai seperti bazar



ORANG ramai tidak ketinggalan mendapatkan bungkusan makanan daripada Rumah Makan Percuma di Sungai Petani.

Ramadan," katanya di sini.

Menurut Mazlina, selain bersedekah kepada golongan yang memerlukan untuk meringankan beban mereka, program itu diharap dapat memberi inspirasi kepada orang ramai agar turut bersedekah.

"Sabeel ini akan 'bergerak' setiap hari kecuali Sabtu bermula pukul 5.30 petang. Juadah

sama sahaja seperti di RMP iaitu nasi, menu ayam, sayur dan sambal belacan. RMP di Simpang Empat juga masih beroperasi seperti biasa bermula pukul 4.30 petang," katanya.

Tambah beliau, RMP diwujudkan pada Julai 2020 sebagai usaha meringankan beban orang ramai yang terjejas akibat pandemik Covid-19 sebelum ini.

PM rai nelayan, petani, penternak, anak yatim		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Online	



PUTRAJAYA - Lebih 1,000 komuniti nelayan, petani dan penternak diraikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam majlis iftar di kediaman rasmi Kompleks Seri Perdana di sini pada Rabu.

Majlis tersebut dihoskan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Dalam majlis sama, Anwar bersama isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail turut meraikan seramai 41 anak yatim.

Kesemua mereka dari Rumah Bakti Al-Kausar dan Rumah Cahaya Kasih, Rancangan Sungai Behrang, Felda Trolak, Rancangan Sungai Tenggi, Rancangan Sungai Tenggi Selatan dan Rancangan Gedangsa.

25,000kg dada ayam sejuk beku dari Thailand dirampas		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Online	



BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang berjaya menggagalkan pengimportan 25,000 kilogram (kg) dada ayam tanpa tulang segar sejuk beku bernilai RM240,000 pada Sabtu lalu.

Pengarahnya, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, kesemua barangan sejuk beku dari Thailand itu dirampas di Pintu Masuk Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), Pulau Pinang.

Menurutnya, hasil pemeriksaan oleh pegawai penguatkuasa MAQIS mendapati konsainan dada ayam tanpa tulang segar sejuk beku tersebut tidak mematuhi syarat permit import seperti yang ditetapkan.

"Pengimportan dada ayam tanpa tulang segar sejuk beku itu tidak menyatakan maklumat sijil halal dengan jelas dan kesemua konsainan dirampas untuk siasatan lanjut.

"Kegagalan untuk mematuhi syarat permit import bagi pengimportan dada ayam tanpa tulang segar sejuk beku tersebut adalah menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Tambah beliau, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 15(2) akta yang sama.

"MAQIS sentiasa komited dalam melaksanakan tugas pada semua pintu masuk negara bersama agensi penguatkuasaan di sempadan bagi memastikan komoditi keselamatan keluaran pertanian yang dibawa masuk ke dalam negara mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan bagi menjamin kualiti dan keselamatan makanan," katanya.

Pengguna mula berjimat, daging bukan lagi pilihan untuk berbuka puasa

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
My Metro	Online	



Butterworth: Nilai mata wang yang semakin mengecil menyebabkan kuasa pembeli juga semakin rendah apabila ramai yang mengambil langkah berjimat cermat dengan membuat pembelian hanya sekadar boleh mengenyangkan perut sahaja.

Perkara itu diakui penjual daging, Mohd Raffi Yusof, 58, yang memaklumkan jualan daging tempatan di premisnya menurun sehingga 50 peratus sepanjang 13 hari umat Islam berpuasa.

Katanya, berbanding Ramadan lalu, dia menyembelih seekor lembu untuk jualan namun kini proses sembelihan terpaksa dilakukan berselang seli memandangkan permintaan berkurangan.

"Ini krisis jualan paling teruk yang saya alami sepanjang 30 tahun berniaga daging ketika Ramadan.

"Boleh dikatakan, setiap Ramadan, daging yang menjadi menu kerap dicari pelanggan tetapi tahun ini jualan agak suram, mungkin ia didorong dengan keadaan ekonomi kita pada masa ini.

"Tambahan pula, anak-anak baru masuk sekolah kemudian puasa pula jadi ramai yang kehabisan wang, maka mereka memilih untuk masak menu mengikut bajet asalkan kenyang," katanya ditemui di gerai jualannya di Pasar Awam Seberang Jaya di sini, hari ini.

Jelasnya, mujur dia mempunyai pelanggan tetap dalam kalangan peniaga kedai makan yang sedikit sebanyak membantu jualannya.

"Bagi pelanggan biasa, kebanyakan memilih untuk membeli daging import yang dijual serendah RM20 sekilogram berbanding daging segar tempatan yang dijual pada harga RM42 sekilogram.

"Ramadan lalu, saya sembelih seekor lembu setiap hari tetapi kini tidak lagi kerana jualan yang sangat perlahan.

"Bukan saya sahaja terkesan tetapi semua peniaga di pasar ini, termasuk peniaga sayur-sayuran turut terkesan apabila jualan merudum sehingga 50 peratus kerana orang kekurangan biaya untuk untuk membeli," katanya

Mohd Raffi berkata, dia berharap kerajaan dapat melakukan sesuatu dengan menurunkan harga-harga barangan melalui perbincangan dengan pihak pembekal bagi membantu pengguna serta peniaga kecil.

"Apa yang terjadi (jualan kurang) adalah kerana, bagi pengguna, harga barang terlalu tinggi dan itu menyebabkan kuasa pembeli terhad yang akhirnya memberi kesan kepada golongan peniaga kecil.

"Saya berharap kerajaan juga menetapkan harga kawalan munasabah bagi komoditi daging untuk skim perayaan memandangkan ketika ini, kami sudah terbeban dengan jualan yang kurang," katanya.

Ketika tinjauan sebelum satu jam pasar awam berkenaan menutup operasi, keadaan didapati lengang dengan jualan masih banyak tidak terjual di setiap premis.

Paling terkesan adalah jualan sayur-sayuran apabila peniaga mendakwa tidak pulang modal berikutan pembeli kurang, tidak kira pada hari bekerja mahupun hari minggu.